



SIARAN MEDIA

AKEMEDIA 2025: PLATFORM BERPRESTIJ KPKT, JULANG KECEMERLANGAN MEDIA DEMI ASPIRASI MADANI

KUALA LUMPUR, 17 November 2025 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan **Anugerah Kecemerlangan Media Tahun 2025 (AkeMedia 2025)** bertempat di Pavilion Hotel, Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Penganjuran Anugerah berprestij kali ke-3 ini yang dihadiri oleh lebih 250 orang pengamal media diadakan bagi menghargai peranan dan kerjasama media dalam menyokong dasar, inisiatif dan agenda KPKT seterusnya mendokong aspirasi MADANI.

Di samping itu juga, AkeMedia 2025 turut bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan media dalam menyampaikan maklumat yang tepat, beretika dan berkesan kepada masyarakat.

YB KM dalam ucapannya berkata “Komunikasi masa kini menuntut sikap tanggungjawab dan kebijaksanaan yang lebih tinggi daripada semua pihak. Ini kerana kita bukan lagi sekadar perlu pantas menyampaikan berita, malah perlu memastikan ketepatan, keseimbangan agar integriti komunikasi sentiasa terpelihara.”

“Di bawah pimpinan YAB PMX Datuk Seri Anwar Ibrahim, jelas bukan saja imej negara kini pulih sepenuhnya malahan nama Malaysia kini mula dijulang di pesada antarabangsa.”

“Dibawah kerajaan Madani, kedudukan daya saing negara melonjak dari tangga ke-34 menjadi ke-23, prestasi Ringgit menjadi mata wang terbaik Asia tahun ini serta kejayaan menganjurkan sidang kemuncak Asean rata-rata mengangkat martabat rakyat dan negara.”

“Saya amat percaya, menerusi hubungan akrab kita dalam sama-sama menjayakan AkeMedia hari ini, kita bukan sahaja dapat eratkan hubungan kerja antara media dan KPKT, tetapi juga membina satu ekosistem komunikasi strategik yang fokus kepada kepakaran, pengalaman dan sumber sahih demi membawa manfaat kepada rakyat dan

negara,"katanya.

AkeMedia 2025 mempertaruhkan sebanyak lapan (8) kategori antaranya Anugerah Khas Menteri, Anugerah Penyiaran Televisyen Terbaik, Anugerah Video Portal / Dalam Talian Terbaik, Anugerah Penerbitan Artikel Terbaik, Anugerah Penyiaran Radio Terbaik, Anugerah Kewartawanan Foto Terbaik, Anugerah Content Media Sosial Terbaik dan Anugerah Influencer Terbaik.

Bagi Anugerah Khas YB Menteri, pemenang menerima wang tunai terkumpul berjumlah RM20,000, trofi dan sijil. Sementara itu, enam (6) kategori lain masing-masing menerima wang tunai RM3,000 untuk tempat pertama, RM2,000 tempat kedua dan RM1,000 tempat ketiga, beserta hadiah iringan berupa trofi dan sijil.

Menariknya AkeMedia 2025 kali ini memperkenalkan anugerah baharu iaitu Anugerah Influencer Terbaik di mana pemenang menerima wang tunai berjumlah RM3,000 beserta trofi dan sijil. Pemilihan pemenang untuk katagori ini bukan sahaja berdasarkan jumlah pengikut yang ramai, malah turut menilai ketepatan serta etika penyampaian kandungan agar selari dengan mesej dan agenda pembangunan KPKT.

Sebanyak 243 penyertaan yang terdiri daripada 57 media tempatan, media kerajaan dan media baharu. Radio Televisyen Malaysia (RTM) mencatat penyertaan tertinggi dengan menghantar sebanyak 40 penyertaan dalam pelbagai kategori.

Bagi memastikan penilaian yang telus dan berkualiti, penjurian AkeMedia 2025 dilaksanakan oleh KPKT dengan kerjasama Malaysia Press Institute (MPI) meliputi aspek promosi dan publisiti, penentuan syarat-syarat pertandingan dan proses penjurian.

Hadir sama pada majlis ini adalah YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri KPKT; YBhg. Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT; YBhg. Datin Paduka Nur-UI Afida binti Kamaludin, Ketua Pegawai Eksekutif BERNAMA; dan ketua-ketua pengarang media tempatan.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertiwi

#UnityInDiversity

Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

